



**SOALAN LAZIM (FAQ)
BERKAITAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN 3.0 (PKP 3.0)
KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI**

FAQ ini adalah terpakai untuk **Sektor Perkilangan dan Perkhidmatan Berkaitan** serta **rantaianya** semasa Perintah Kawalan Pergerakan 3.0 (PKP 3.0) bagi tempoh **25 Mei hingga 7 Jun 2021**.

BAHAGIAN 1: SOALAN UMUM MENGENAI OPERASI AKTIVITI PERKILANGAN DAN PERKHIDMATAN BERKAITAN PERKILANGAN

1. Bolehkah syarikat saya beroperasi sepanjang tempoh PKP?

Boleh, sekiranya syarikat anda tidak dikategorikan di bawah Senarai *Negative List* di dalam Prosedur Operasi Standard (SOP) Am Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) di laman sesawang www.mkn.gov.my. Syarikat berdaftar dengan MITI melalui sistem COVID-19 *Intelligent Management System* (CIMS) menggunakan pautan <https://notification.miti.gov.my>.

2. Perlukah saya memohon kebenaran untuk beroperasi daripada MITI melalui sistem pangkalan data CIMS sepanjang tempoh PKP 3.0?

Syarikat di dalam **sektor perkilangan dan perkhidmatan berkaitan** dan rantaiannya yang telah **berdaftar** dengan pangkalan data MITI iaitu CIMS **tidak perlu membuat pendaftaran semula** untuk beroperasi dalam tempoh PKP 3.0. Surat pengesahan pendaftaran boleh dimuat turun oleh syarikat.

Bagi syarikat-syarikat **sektor perkilangan dan perkhidmatan berkaitan** dan rantaiannya yang **belum berdaftar** dengan CIMS boleh berbuat demikian pada bila-bila masa dan surat pengesahan pendaftaran boleh dimuat turun oleh syarikat selepas pendaftaran.



3. Bolehkah syarikat saya beroperasi 24 jam?

Syarikat perkilangan dan perkhidmatan berkaitan serta rantaianya dibenarkan **beroperasi seperti biasa** termasuk bagi syarikat yang mempunyai penggiliran pengoperasian 24 jam. SOP bagi sektor perkilangan di bawah tanggungjawab MITI boleh dimuat turun dari laman sesawang MITI di www.miti.gov.my.

4. Bolehkah saya menghantar barangan ke lokasi-lokasi di Kawasan PKP menggunakan kenderaan perdagangan?

Ya, kenderaan perdagangan yang membawa barangan dan perkhidmatan dibenarkan keluar masuk menggunakan pas pekerja atau surat pengesahan majikan serta membawa bersama surat CIMS.

5. Bolehkah saya menghantar barangan komersil/perniagaan ke luar daerah atau negeri?

Boleh, dengan syarat surat pengesahan majikan atau pas pekerja serta surat CIMS dibawa bersama.

6. Apakah kapasiti kehadiran pekerja bagi sektor perkilangan dan perkhidmatan berkaitan dan rantaianya?

Kerajaan telah menetapkan **kapasiti kehadiran pekerja sebanyak 60% bagi satu lokasi (onsite)** dan 40% lagi perlu melaksanakan amalan Bekerja Dari Rumah (BDR).

7. Adakah terdapat sekatan kapasiti bagi bilangan pekerja yang dibenarkan di dalam kenderaan bagi membawa dan mengedarkan barangan?

Bilangan orang yang dibenarkan di dalam kenderaan bagi membawa barangan serta rantaian aktiviti ekonomi atau industri bergantung kepada lesen pendaftaran kenderaan perdagangan.

8. Adakah terdapat sekatan kapasiti kenderaan bagi pekerja yang menggunakan kenderaan pekerja (van dan bas pekerja)?

Kapasiti penumpang bagi kenderaan pekerja adalah 50%.

9. Adakah saya dibenarkan untuk rentas daerah/negeri untuk tujuan kerja/perniagaan?

Ya, dibenarkan. Pekerja **WAJIB** membawa pas pekerja atau surat kebenaran majikan serta membawa bersama surat CIMS.

Harus diingat, **penyalahgunaan surat MITI adalah salah di sisi undang-undang**. Surat CIMS tersebut mempunyai kod QR yang boleh diimbas pihak PDRM untuk mengesahkan kesahihan surat.

10. Apakah yang boleh saya lakukan sekiranya syarikat tidak mematuhi SOP PKP 3.0?

Anda boleh melaporkan ketidakpatuhan syarikat di balai polis berhampiran atau emel kepada Kementerian yang menyelia sektor anda. Jika sektor anda di bawah seliaan MITI anda boleh emel ke covid19aduan@miti.gov.my

11. Sekiranya terdapat kes positif di tempat kerja, apakah yang perlu dilakukan oleh majikan?

Majikan **WAJIB** melaporkan kes positif serta kontak rapat kepada Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) yang berhampiran selaras dengan SOP sektor Perkilangan dan Perkhidmatan Berkaitan.

12. Bolehkah syarikat memohon pengesahan Perakuan Tempasal (*Certificate of Origin* - COO) sepanjang tempoh penguatkuasaan PKP 3.0?

Boleh, pengendorsan COO bagi MITI HQ boleh dilakukan di Kaunter Aras 2, MITI seperti biasa.

Manakala bagi pengendorsan COO di Pejabat MITI Wilayah, pihak syarikat diminta merujuk kepada tatacara berkaitan yang diamalkan oleh Pejabat MITI Wilayah. Tuan/puan boleh hubungi Pejabat MITI Wilayah untuk maklumat lanjut:

BIL.	MAKLUMAT	NO. UNTUK DIHUBUNGI
1	Ms. Rafeah Khafidah Kamarudin Pengarah MITI Wilayah Johor	Tel :607-223 5639 Fax :607-224 9631 Email:rafeahk@miti.gov.my
2	Ms. Azyyati Ibrahim Pengarah MITI Wilayah Kelantan	Tel :609-748 3457 Fax :609-744 4167 Email: azyyati@miti.gov.my
3	Mr. Lee Meng Tat Pengarah MITI Wilayah Pahang	Tel :609-513 0851 Fax :609-513 0873 E-mail:leemt@miti.gov.my
4	Ms. Rosazliza Azman Pengarah MITI Wilayah Perak	Tel :605-5271990 Fax :605-5272043 Email:rosazliza@miti.gov.my
5	Mr. Jegan Subramaniam Pengarah MITI Wilayah Penang	Tel :604-262 5133 Fax :604-262 5131 E-mail : jegan@miti.gov.my
6	Mr. Mohd Hijri Mat Rani Pengarah MITI Wilayah Sabah	Tel :6088-236 758 Fax :6088-235 645 E-mail : hijri@miti.gov.my
7	Mr. Griffith Jones Goba Pengarah MITI Wilayah Sarawak	Tel :6082-257 164 Fax :6082-417 835 Email :griffith.goba@miti.gov.my
8	Ms. Nurfadhilah Syamimi Kaunter MITI Melaka	Tel :606-253 0069 Fax :606-232 7519 Email: nurfadhilah@miti.gov.my

13. Adakah permohonan keluar dan masuk dari Malaysia melalui Jawatankuasa OneStop Centre (OSC) masih diteruskan seperti biasa?

Ya. Permohonan keluar dan masuk dari Malaysia melalui Jawatankuasa OSC masih diteruskan dalam tempoh PKP. Walau bagaimanapun, pergerakan bagi Pelawat Perniagaan Jangka Pendek di bawah kelulusan Inisiatif One Stop Centre (OSC) untuk tujuan rasmi atau perniagaan **dibenarkan setelah mendapat kebenaran PDRM.**

Syarikat juga adalah dinasihatkan untuk menyemak di Portal Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) akan larangan kemasukan warga dari beberapa negara yang berisiko tinggi dari semasa ke semasa.

BAHAGIAN 2: ARAHAN BEKERJA DARI RUMAH (BDR)

1. Apakah yang dimaksudkan dengan amalan BDR?

Amalan BDR merujuk kepada pelaksanaan tugas pejabat di rumah masing-masing mengikut tatacara/garis panduan yang ditetapkan oleh majikan mengikut keperluan syarikat masing-masing.

2. Adakah amalan BDR wajib bagi semua pekerja industri?

Amalan BDR adalah wajib bagi 40% kakitangan syarikat (melibatkan keseluruhan warga kerja). Pihak majikan wajib melaksanakan amalan BDR yang melibatkan keseluruhan warga syarikat termasuk golongan pengurusan dan bukan pengurusan.

Kehadiran pekerja secara fizikal di tempat kerja/premis **dihadkan** kepada **60% daripada jumlah bilangan pekerja syarikat** tersebut dalam tempoh **24 jam (24-hour basis)**.

Kehadiran pekerja sebanyak 60% tersebut merangkumi kakitangan pejabat serta kakitangan operasi dan sokongan (*contract for service*) mengikut kesesuaian yang ditentukan oleh majikan atau pemilik syarikat.

Syarikat juga boleh melakukan **penggiliran kerja dengan syarat tidak melebihi 60% kapasiti pekerja**.

Antara **contoh-contoh senario semasa PKP 3.0 bagi kapasiti kehadiran** adalah seperti berikut:

SENARIO	KEADAAN BIASA			SEMASA PKP		
	Pagi	Tengah Hari	Malam	Pagi	Tengah Hari	Malam
Senario 1	400	400	400	240	240	240
Jumlah	1,200 (100%)			720 (60%)		
Senario 2	300	600	300	180	360	180
Jumlah	1,200 (100%)			720 (60%)		
Senario 3	600	600	0	360	360	0
Jumlah	1,200 (100%)			720 (60%)		
Senario 4	600	600	0	720 (1 waktu)		
Jumlah	1,200 (100%)			720 (60%)		

3. **Apakah tindakan yang majikan perlu ambil sekiranya pekerja tidak mahu datang bekerja dan mahu BDR?**

Majikan disaran untuk berbincang dengan pekerja untuk mencapai kata sepakat. Sebaiknya majikan beri keyakinan bahawa persekitaran tempat kerja adalah selamat. Jika perbincangan sudah dijalankan dan pekerja masih mahu BDR maka majikan boleh mengambil tindakan mengikut budi bicara dan tatacara syarikat berdasarkan dasar Kerajaan dan Akta yang berkaitan. Untuk sebarang pertanyaan lanjut mengenai perkara ini, sila **rujuk kepada Jabatan Tenaga Kerja, Kementerian Sumber Manusia**.

4. **Adakah pekerja yang perlu ke pejabat perlu menjalani ujian saringan COVID-19?**

Tidak perlu jika tidak bergejala. Namun, syarikat disaran untuk menjalankan ujian saringan tersebut untuk pekerja dari semasa ke semasa untuk memastikan pengesanan awal kes sekiranya ada. Sila rujuk SOP Am Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 melalui laman sesawang www.mkn.gov.my untuk maklumat lanjut.

5. **Apakah dokumen yang perlu dibawa oleh pekerja sebagai pengesahan kebenaran bertugas?**

Pekerja syarikat adalah wajib membawa bersama sesalinan surat pengesahan pendaftaran CIMS dan pas pekerja ATAU surat pengesahan majikan bagi tujuan pergerakan antara kediaman dan tempat kerja.

Panduan Memuat Turun Surat Kebenaran MITI di CIMS 3.0

Log masuk ke <https://notification.miti.gov.my>

1 Klik "Borang Notifikasi"

2 Klik "Notifikasi Beroperasi"

3 Klik "Papar"

4 Klik "Cetak Surat"

The screenshot shows a dashboard with a sidebar menu containing 'Dashboard', 'Profil Pemohon', and 'Borang Notifikasi'. The main content area has a radio button for 'Notifikasi Beroperasi' which is highlighted with a red box and a yellow arrow. Below this is a table with columns 'Status', 'Kemaskini Pekerja', and 'Tindakan'. The 'Kemaskini Pekerja' column has a 'Kemaskini' button, and the 'Tindakan' column has a 'Papar' button, both highlighted with red boxes and yellow arrows. At the bottom, there is a section for 'Surat Pengesahan / Confirmation Letter' with a 'Cetak Surat / Print Letter' button highlighted with a red box and a yellow arrow.

6. Adakah sebarang jenis penguatkuasaan akan dijalankan untuk memastikan arahan bekerja dari rumah dipatuhi?

Ya. Penguatkuasaan tanpa notis akan dijalankan dari semasa ke semasa bagi memastikan arahan bekerja dari rumah dipatuhi oleh pihak syarikat.

7. Adakah terdapat sebarang tindakan yang akan dikenakan bagi syarikat yang tidak mematuhi arahan BDR semasa serta pelanggaran SOP?

Syarikat atau premis yang tidak mematuhi arahan BDR yang terkini serta pelanggaran SOP akan diarahkan **tutup serta merta** selama **tujuh (7) hari** dan **dikompaun maksimum RM50,000.00**.

BAHAGIAN 3: PENDAFTARAN DI COVID-19 INTELLIGENT MANAGEMENT SYSTEM (CIMS)

1. Bagaimana saya boleh membuat pendaftaran di CIMS?

Anda boleh ke pautan <https://notification.miti.gov.my> untuk membuat pendaftaran dan ikut arahan dari laman ke laman. Jangan letak 'www' di URL pendaftaran ini. Untuk tutorial pendaftaran boleh ke pautan ini: <https://www.youtube.com/watch?v=CGwClak7xs8&t=212s>.

2. Perlukah saya mengemaskini senarai pekerja yang pernah diisytiharkan sebelum ini di dalam CIMS?

Syarikat perlu mengemaskini sekiranya terdapat perubahan senarai pekerja.

3. Syarikat saya sudah berdaftar di bawah *COVID-19 Intelligent Management System (CIMS)* dan telah diberikan surat kebenaran beroperasi pada tahun 2020. Perlukah saya mendaftar sekali lagi?

Syarikat tidak perlu mendaftar sekali lagi, tetapi hanya perlu **memuat turun dan mencetak surat pengesahan pendaftaran terkini** yang boleh dicapai melalui sistem CIMS dengan menggunakan log masuk dan kata laluan yang sama.

4. Saya menghadapi masalah teknikal dalam mengakses CIMS. Apakah yang harus saya lakukan?

Sekiranya anda tidak boleh mengemaskini maklumat anda di CIMS, mohon emel kepadakumpulan teknikal CIMS di cims@marij.my.

Sebarang pertanyaan lanjut berkenaan pelaksanaan PKP 3.0 bagi sektor Perkilangan Dan Perkhidmatan Berkaitan Perkilangan dan rantaianya boleh diajukan kepada:

Hotline: 03-6208 4949

**Emel: covid19hotline@miti.gov.my
(pertanyaan am)**

**covid19aduan@miti.gov.my
(aduan ketidakpatuhan SOP)**

**cims@marii.my
(isu teknikal CIMS)**

Nota: Bagi sektor selain sektor perkilangan dan perkhidmatan berkaitan dan rantaianya, sila rujuk kepada Kementerian dan Agensi yang berkaitan melalui e-book direktori ini <https://bit.ly/2QzVH2T>.

**KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI (MITI)
24 MEI 2021**